

## **TALKING POINTS FOR SARAWAK COAST GUARD LAUNCH KUCHING WATERFRONT, 7<sup>TH</sup> APRIL 2021**

- (1) Yang Amat Berhormat telah mengumumkan penubuhan "*Sarawak Coastguard*" pada 01.10.2019 dalam majlis perletakkan / penempatan tukun tiruan di Igan/Mukah.
- (2) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM90 juta untuk membeli aset untuk kegunaan "*Sarawak Coastguard*" yang telah dibentangkan dalam budget 2020 pada 4.11.2019.
- (3) Hari ini kita dapat menyaksikan sebuah kapal dan 6 buah bot telah siap iaitu sebuah "*Catamaran*" dan 6 buah bot "*Interceptor*" dengan enjin berkuasa 1050 kuasa kuda setiap bot.
- (4) Pada tahun ini, InsyaAllah (enam) 6 buah bot jenis *Interceptor* akan beroperasi di perairan Sarawak untuk menjaga keselamatan nelayan dan sumber asli Maritim di sepanjang pantai negeri ini.
- (5) Pembinaan beberapa buah lagi kapal ronda laju untuk meronda persisiran pantai sedang diurus secara tender terbuka oleh JKR.
- (6) Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat terhadap kesejahteraan dan keselamatan para nelayan di negeri ini.
- (7) Dengan penubuhan *Sarawak Coastguard* ini, terbukti bahawa kerajaan GPS Sarawak sentiasa mendahulukan kepentingan rakyat.

- (8) Aset-aset ini juga sesuai digunakan untuk membantu rakyat semasa banjir besar dalam operasi menyelamatkan dan mencari (Search and Rescue).
- (9) *Sarawak Coastguard* juga berperanan sebagai "*Compliment*" dan bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasa lain samada Negeri atau Persekutuan.
- (10) *Sarawak Coastguard* akan menguatkuasakan undang-undang di bawah Ordinan Negeri khususnya *State Fisheries Ordinance 2003, Forest Ordinance 2015, Wild life Protection Ordinance 1998, National Parks and Nature Reserves Ordinance 1998* dan *Oil Mining Ordinance (OMO) 1958*
- (11) Penubuhan *Sarawak Coastguard* ini juga merupakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk mewujudkan iklim yang terjamin untuk membolehkan dan menarik pelabur-pelabur asing dalam pembangunan Negeri Sarawak ke arah Sarawak negeri maju pada tahun 2030.